

Volvo Trucks lancar inisiatif keselamatan jalan raya

Oleh **ZIININE ABDESSELAM**

bisnes.utusan@gmail.com

KUALA LUMPUR 11 Feb. - Volvo Trucks Malaysia (Volvo Trucks) dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) telah melancarkan inisiatif penyelesaian inovatif bagi mengurangkan kemalangan melibatkan trak dan penunggang motosikal.

Inisiatif tersebut mendapat kerjasama dari Majlis Perdagangan Sweden (STC) Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (Miros) dan SAFER-Pusat Keselamatan Trafik dan Kecederaan, Sweden.

Inisiatif terbaharu berkenaan bertemakan 'Penyelesaian Inovatif Untuk Mengurangkan Kemalangan Antara Trak dan Motosikal'.

Pengarah Urusan Volvo Trucks Malaysia, Mansoor Ahmed berkata, inisiatif itu dilancarkan untuk

mengurangkan pertambahan kes kemalangan di jalan raya melibatkan trak dan penunggang motosikal menerusi penyelidikan yang dibahagikan kepada dua peringkat.

Katanya, peringkat pertama akan dilaksanakan dalam tempoh enam bulan dan melibatkan kajian mengenai bentuk kemalangan.

"Peringkat kedua penyelidikan akan melibatkan pelaksanaan terhadap penyelesaian inovatif yang dimajukan dan diikuti de-

ngan program keprihatinan ke seluruh negara," katanya pada majlis pelancaran inisiatif berkenaan baru-baru ini.

Yang turut hadir, Duta Sweden, Bengt G Carlsson, Ketua Pegawai Eksekutif AIM, Mark Rozario, Pengurus Negeri Majlis Perdagangan Sweden, Carl Malmqvist, Ketua Pengarah Miros, Wong Shau Voon dan Timbalan Naib Canselor (Perhubungan Industri dan Komuniti) UPM, Renuganth Varatharajoo.

WAKIL-WAKIL syarikat dan ahli akademik bergambar di hadapan ibu pejabat Volvo di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

VOLVO

